



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATO' AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**SAMBUTAN ANAK MERDEKA
BERSEMPENA HARI KEMERDEKAAN KE-66 TAHUN**

31 OGOS 2023 (KHAMIS)

3.00 PETANG

**DEWAN MEMORIAL TUN HUSSEIN ONN
KUALA LUMPUR**

Salam Malaysia Madani dan Salam Perpaduan.

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

PENDAHULUAN

1. Pada hari yang sangat bermakna ini, sewajarnya kita bergembira dan bersyukur atas hadiah kemerdekaan dan kebebasan yang dikurniakan oleh Tuhan kepada kita dan kekal menjadi bangsa dan sebuah negara yang berdaulat.
2. Tanggal 31 Ogos 1957, teriakan MERDEKA bergema di Stadium Merdeka Kuala Lumpur. Gemanya sampai ke seluruh negara, gemanya merentas gunung – menyeberangi lautan. Gema MERDEKA kemudiannya merentas Laut Cina Selatan, dan disahut di bumi Borneo, lalu enam tahun kemudiannya tertubuhlah Malaysia.
3. Saya percaya, kita semua berkesempatan menyaksikan Sambutan Hari Kebangsaan kali ke-66 di Putrajaya pada pagi tadi, sama ada secara fizikal mahupun melalui kaca televisyen ataupun platform media sosial. Aura keterujaan serta semangat setiap warga Malaysia MADANI yang berbilang bangsa dan kaum, jelas terserlah apabila tiada ruang kosong di sepanjang laluan perarakan di Putrajaya pagi tadi.

4. Dengan **tema ‘Malaysia Madani: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan’**, ia sarat dengan mesej menonjolkan **perpaduan dalam kepelbagaian dan kemajmukan** yang menjadi identiti dan tradisi Malaysia. Kita harus berbangga dengan tekad dan usaha murni yang berterusan ini.

5. Kita mesti kuatkan tekad untuk memelihara perpaduan. **Perpaduan ialah kunci utama** bagi segala harapan rakyat dapat dipenuhi dan direalisasikan. Kita perlu kekal utuh untuk melaksanakan segala bentuk kemajuan serta kemodenan yang berteraskan kemampuan budaya bangsa, sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

6. Hari ini kita mewarisi sebuah negara merdeka; kita wajib bersyukur atas rekod pencapaian selama enam puluh lima tahun lalu. Kejayaan kita membina sebuah negara merdeka dan berdaulat, aman dan makmur, bersatu dan berpadu, dihormati dan disegani. Kita wajib bersyukur, bahawa warga Malaysia dari pelbagai agama, kaum dan budaya telah bersatu tenaga dalam membina satu negara yang kini menjadi teladan kejayaan.

SAMBUTAN ANAK MERDEKA 2023

Dato'-Dato'/ Tuan-tuan/ Puan-puan dan hadirin sekalian,

7. Saban tahun kita menyambut Hari Kebangsaan dan juga Sambutan Anak Merdeka ini. Ia bukan sekadar sambutan, sebaliknya ingin mewariskan daripada satu generasi kepada generasi baru tentang **rasa cinta dan menyemai rasa bangga menjadi rakyat Malaysia.**
8. Program ini perlu disegarkan untuk membangkitkan **kesedaran patriotisme dan mengukuhkan jati diri** rakyat khususnya generasi muda seterusnya dijadikan satu budaya. Oleh itu, kita wajar menerapkan budaya patriotisme kepada setiap generasi kerana merekalah sandaran pada masa hadapan.
9. Pada hari ini, anda semua berada di Kompleks Arkib Perdana Menteri dan Arkib Negarawan atau ringkasnya KAPMAN. Kompleks ini menyediakan maklumat mengenai tokoh-tokoh negarawan ulung yang banyak jasanya kepada negara melalui **Memorial Negarawan, Memorial Tun Hussein Onn, Memorial Tunku Abdul Rahman dan Bangunan Residensi (Rumah Rasmi Perdana Menteri Pertama).** Menjelajah dari satu ruang ke satu ruang di setiap memorial ini,

bukan sahaja anda dapat merasai aura kepimpinan tokoh-tokoh dalam menuntut kemerdekaan negara tetapi sebaliknya turut berpeluang melihat koleksi peribadi pemimpin berkenaan.

10. Gunakan kesempatan ini untuk melawat dan menyelami sejarah perjuangan mereka yang telah berkerja keras untuk memerdekakan dan membangunkan negara, daripada sebuah negara yang mundur menjadi negara maju. Dalam sebuah negara berbilang bangsa, mereka berjaya disatukan dengan ikatan perpaduan yang kukuh untuk mencorakkan negara kita pada hari ini.
11. Manfaatkanlah dan sebarkan kepada rakan dan jiran untuk kita menimba pengetahuan dan maklumat mengenai sejarah negara kita di sini. Ia perlu dijadikan lokasi untuk menyemai dan membentuk peribadi generasi muda yang bakal menjadi pelapis kepimpinan negara.
12. Kini seluruh rakyat Malaysia **bertitik tolak dari Arau Perlis, hingga ke Semporna Sabah dan ke penghujung Ulu Lachau Sarawak** boleh melawat **11 buah memorial, galeria pustaka dan rumah kelahiran** secara maya melalui **<http://enegarawan.arkib.gov.my>** sebagai lokasi lawatan dan

rekreasi keluarga beriadah sambil menerapkan semangat patriotisme kepada anak-anak.

13. Platform e-maya ini adalah suatu usaha murni untuk **memupuk sifat kenegaraan, nasionalisme, patriotisme**, memperkukuh semangat sifat toleransi dan perpaduan antara kaum.

PENUTUP

Dato'-Dato'/ Tuan-tuan/ Puan-puan serta hadirin sekalian,

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada **Persatuan Warisan Anak Merdeka Kuala Lumpur & Selangor** atas kesudian bekerjasama dengan Arkib Negara untuk mengadakan Sambutan Anak Merdeka ini.
15. Semoga kerjasama seumpama ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang sebagai **pemangkin penyebaran usaha memupuk sifat-sifat positif** dan bernilai tinggi kepada segenap lapisan masyarakat.

16. **Bersamalah kita membara puntung-puntung perjuangan; untuk kita himpulkan; untuk kita terus menyemarakkan semangat kemerdekaan; untuk kita terus nyalakan obor kemerdekaan. Sama-samalah kita laung dan gemakan semula kalimah keramat; MERDEKA!**
17. Lantaran kita di ambang pedati yang sedang berpacu deras untuk sampai ke destinasi sebagai sebuah negara maju sepenuhnya. **Kebersamaan Rakyat Malaysia** adalah kunci utama kepada kejayaan tersebut.
18. Akhir sekali, saya juga ingin mengambil kesempatan ini, mengucapkan '**Selamat Hari Lahir**' kepada seluruh **Anak Merdeka** dengan harapan semoga anda semua sentiasa sihat, ceria dan terus bersatua padu dalam membina Malaysia MADANI. Sebelum berundur saya ingin akhiri dengan serangkap pantun.

*Memang terbilang sebuah hikayat,
Kisah dahulu ramai yang suka,
Jalur gemilang semangat rakyat,
Dikibar selalu tanda Merdeka.*

Sekian, terima kasih.